



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	14/6/2021	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JP NEGERI PAHANG			

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Kuantan

Kerajaan negeri sentiasa berusaha memastikan kelestarian alam sekitar tidak terus digugat dengan pelbagai aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, usaha menyekat aktiviti yang menjejaskan alam sekitar akan terus dilakukan oleh agensi penguat kuasa di semua peringkat.

Menurutnya, kegiatan melombong emas tanpa lesen misalnya bukan sahaja menyebab-

'Bumi tiga daerah kaya dengan emas'

MB Pahang harap JPNP dapat terus mempergiatkan usaha menyekat kegiatan melombong emas tanpa lesen

kan berlakunya kejadian hakisan dan pencemaran sumber air, tetapi turut menyebabkan kerugian hasil cukai yang sepatutnya kerajaan negeri terima.

"Tindakan tegas perlu terus diambil terhadap pihak yang terbabit dengan aktiviti yang me-

ngundang kepada pencemaran serta kemusnahan alam sekitar, perbuatan mereka menimbulkan masalah pada banyak pihak.

"Justeru, agensi penguat kuasa di semua peringkat perlu lebih peka dan aktif menyekat kegiatan yang menyalahi undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas laporan kegiatan melombong emas secara haram di Hutan Simpan Ibam dekat Muadzam Shah yang disiarkan akhbar ini, semalam.

Laporan berkenaan menyiarkan kejayaan Operasi Bersepadu Lombong yang diadakan Unit

Penguatkuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Zon Timur dan Zon Barat dan Unit Tindakan Khas (UTK) Pejabat Hutan Daerah (PHD) Rompin bersama Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (Unified) selama tiga hari.

Operasi berkenaan membawa kepada penemuan kawasan melombong emas yang menggunakan kaedah lubang bagi mendapatkan tanah serta batu yang mengandungi emas, cara berkenaan dikatakan lebih memberi hasil lumayan.

Bagaimanapun, usaha menahan warga asing melakukan kegiatan itu gagal kerana mereka terlebih da-

hulu mengesan kehadiran pihak penguat kuasa.

Wan Rosdy berkata, dia memuji kesungguhan JPNP yang sentiasa berusaha membanteras aktiviti melombong emas tanpa lesen di negeri ini, khususnya di tiga daerah, Rompin, Raub dan Lipis, yang terbukti kaya dengan galian berharga itu.

Katanya, Muadzam Shah, Lipis dan Raub perut buminya dianugerahkan dengan emas sejak dahulu lagi, faktor berkenaan mendorong pihak tidak bertanggungjawab menceroob hutan semata-mata untuk melombong emas.

"Saya berharap JPNP dapat



terus mempergiatkan usaha menyekat kegiatan melombong emas tanpa lesen bagi menjaga alam sekitar seterusnya mengelak kerajaan kehilangan hasil setiap tahun.

"Kerjasama antara agensi kerajaan perlu dipertingkatkan dalam memudahkan usaha mengesan aktiviti yang menyalahi undang-undang itu," katanya.



“
Agensi penguat kuasa perlu lebih peka dan aktif sekak kegiatan menyalahi undang-undang
”
Wan Rosdy